

14/08/2002

Kerajaan ada cara tangani pencerobohan

Kadir Dikoh; Teh Kean Kiat

KUALA LUMPUR, Selasa - Malaysia berpendapat, sebarang langkah menghantar komando seperti dicadangkan Amerika Syarikat (AS), ke mana-mana negara untuk menangkap atau membunuh pemimpin al-Qaeda, adalah satu pencerobohan ke atas negara terbabit.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata bagi Malaysia, kerajaan mempunyai cara tersendiri untuk menangani pencerobohan dari mana-mana negara.

"Kalau datang ke negara kita, kita anggap itu sebagai satu pencerobohan dan kita ada cara untuk menangani sebarang pencerobohan dari mana negara sekali pun," katanya selepas melancarkan Universiti Tunku Abdul Rahman (Utar) di Setapak dekat sini hari ini.

Beliau diminta mengulas laporan akhbar New York Times kelmarin bahawa dalam menjayakan rancangan itu, Washington tidak perlu memberitahu negara tempat tinggal bakal mangsanya mengenai operasi berkenaan.

Ini bermakna AS akan bertindak sendirian membunuh sesiapa saja yang dianggap pemimpin al-Qaeda atau penganas Islam di mana-mana negara di seluruh dunia.

Rancangan diilhamkan Setiausaha Pertahanan AS, Donald Rumsfeld itu hanya perlu mendapat kelulusan Presiden George Bush saja.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata Kerajaan Pusat akan mengambil tindakan terhadap kerajaan Terengganu jika langkahnya melaksanakan hukum hudud Pas melanggar undang-undang.

"Jika mereka melakukan sesuatu yang tidak diperuntukkan Perlembagaan (Persekutuan) yang meliputi seluruh negara, maka sudah tentu kita tidak dapat bekerja dengan mereka, kita tidak dapat bekerjasama dengan mereka dan kita mungkin terpaksa mengambil tindakan terhadap mereka jika mereka melanggar undang-undang," katanya.

Mengenai pembabitan eksekutif muda dalam gejala rasuah terutama yang berkhidmat dalam sektor swasta dan dikatakan semakin serius, beliau berkata kerajaan akan menangani perkara itu.

Semalam, Timbalan Ketua Pengarah II Badan Pencegah Rasuah (BPR), Datuk Ahmad Said Hamdan dilaporkan berkata golongan eksekutif muda itu membabitkan mereka yang baru keluar dari universiti atau baru pulang dari luar negara selepas menamatkan pengajian.

Mengikut rekod BPR, sepanjang lima tahun lalu (1997-2001), sejumlah 340 kes rasuah membabitkan golongan muda berusia antara 16 hingga 30 tahun dilaporkan.

Mengenai isu projek hidro elektrik Bakun, Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berharap keputusan mengenai pemilihan kontraktor baru bagi projek itu akan diketahui tidak lama lagi.

Katanya, adalah perlu untuk memberikan kontrak itu dengan segera kerana penggunaan elektrik sudah meningkat ke tahap yang "menakutkan".

"Kita harap keputusannya tidak lama lagi kerana penggunaan elektrik di Malaysia meningkat dalam masa sebulan sebanyak 900 megawatt dan itu amat menakutkan," katanya.

Sumber pasaran berkata, keputusan bagi tender yang membabitkan pembinaan empangan utama dan pemasangan bekalan peralatan elektro-mekanikal bagi projek Bakun dijangka diumumkan bulan ini.

Projek Bakun diambil alih oleh Menteri Kewangan Diperbadankan (MoF) daripada Bakun Hydroelectric Corp pada Ogos 1997 berikutan kelembapan ekonomi.

Ia diteruskan semula pada Mac tahun lalu dan kini dikendalikan oleh Sarawak Hydro Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh MoF.

Keseluruhan projek empangan Bakun dianggarkan bernilai RM9 bilion dan mampu menjana 2,400 megawatt elektrik.